


# Menyelami hati nurani Dr. Mahathir



**Judul buku:**  
**MAHATHIR  
DI SEBALIK TABIR**  
**Penulis:**  
**ZAINUDDIN MAIDIN**  
**Penerbit:**  
**UTUSAN  
PUBLICATIONS**  
**Harga: KULIT  
LEMBUT RM15  
KULIT KERAS RM30**  
**Pengulas:**  
**RASHID AHMAD**

**T**IMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diberi penghormatan melancarkan buku terbaru karya Zainuddin Maidin berjudul *Mahathir Di Sebalik Tabir*.

Buku ini antara lain memaparkan kisah dan peristiwa yang berlaku pada diri Dr. Mahathir sepanjang ka-

riernya sebagai seorang doktor perubatan di bandar Alur Setar membawa kepada kedudukan beliau sekarang sebagai Perdana Menteri Malaysia yang disifatkan oleh penulis yang lebih dikenali sebagai Zam sebagai tokoh kontroversial selepas Tunku Abdul Rahman.

Diperihalkan kembali tentang keikhlasan Dr. Mahathir menerima bayaran cuma RM2 untuk mengubati seorang pesakit tua di kampung setinggian Seberang Keretapi Alur Setar dalam tahun 60-an.

Penulisan buku ini lebih bersifat deskriptif yakni pengarang mencoretkan kembali pengalaman pertemuannya buat pertama kali dengan Dr. Mahathir yang

sanggup datang ke teratak buruk ibunya untuk mengubati datuknya yang sedang tenat dan uzur.

Bertolak dari situ pengarang terus menceritakan tentang penentangan Dr. Mahathir terhadap pemilihan lagu *Terang Bulan* yang berentak perlahan oleh Tunku Abdul Rahman untuk dijadikan lagu rasmi negara.

Justeru itu, tidak hairanlah kenapa rentak lagu *Negaraku* sekarang ini telah ditukar dengan irama yang lebih rancak dan bertenaga.

Semua ini sudah tentu atas kehendak Dr. Mahathir demi memenuhi tuntutan beliau sejak zaman di awal kemerdekaan lagi.

Prakata buku ini ditulis oleh Rustam A. Sani seorang kolumnis terkemuka di akhbar *Utusan Malaysia*.

Antara lain Rustam menulis: "Nyatalah bahawa watak yang diperkatakan oleh buku ini amat menyerlah tindakan, kata-kata dan pemikirannya - baik pada tahap negara mahupun antarabangsa."

"Tokoh ini bukan sahaja memperlihatkan garis pemisah yang jelas antara domain "awam" dan domain "peribadi"nya, malah sebagai ahli politik dan pemimpin negara pun banyak sekali unsur yang bersifat misteri dalam penampilan dirinya - sehingga perwatakannya amat sukar untuk diselami, apa lagi dihurai-

Selain itu, buku ini tidak kurang juga menariknya kerana citra hubungan antara watak yang diperkatakannya dengan penulisnya Zainuddin Maidin (Zam).

Terdapat 14 bab yang menghimpunkan pelbagai pengalaman dan rentetan peristiwa dan pandangan Dr. Mahathir yang dicernakan untuk menjadi wadah bacaan kita dalam mana

kandungannya sekaligus cuba mengajak kita menyelami isi hati dan nurani tokoh berjiwa besar yang bernama Mahathir.

Kejujuran dan keikhlasan perjuangannya, keprihatinannya terhadap kemajuan bangsa dan negara, ketegasannya menyerang sikap ekstremis atau konservatif dan segala yang menyangkut tentang usaha pembangunan masa depan ekonomi bangsa dan negara terserlah dalam tulisan-tulisan yang dimuatkan.

### Puncak

Salah satu bab menarik ialah *Di Sebalik Tabir* yang membuat perbandingan ketokohan Lee Kuan Yew bekas Perdana Menteri Singapura dengan Dr. Mahathir.

Menurut penulis, Lee Kuan Yew pernah melabelkan Mahathir sebagai *Malay ultra* sebaliknya apabila Dr. Mahathir berada di puncak pemerintahan beliau dilihat tidak bersikap seperti yang didakwa Lee Kuan Yew.

Sebaliknya Dr. Mahathir merupakan tokoh yang cuba mengubah corak pemikiran dan sikap tradisional Melayu supaya lebih progresif dan dinamis.

Turut diceritakan ialah keakraban Dr. Mahathir dengan Tun Daim. Dibandingkan kata-kata bekas Presiden Indonesia, Soekarno dengan kata-kata Tun Daim.

Soekarno pernah mengucapkan kata-kata bahawa "berikan aku sepuluh pemuda akan kugoncang dunia". Sebaliknya kata Mahathir "berikan beliau sepuluh Daim, Melayu akan tawan dunia."

Buku ini tidak syak lagi berjaya merintis jalan kepada suatu pembacaan yang menarik terhadap personaliti Dr. Mahathir yang sukar dimengertikan. Dengan membacanya anda pasti dapat mengumpul banyak maklumat yang selama ini tersembunyi di celah-celah kehidupan sibuk Dr. Mahathir.

Masa baginya cukup berharga. Beliau dikatakan tidak boleh duduk diam tanpa melakukan apa-apa walaupun seminit. Perkara yang tidak digemari Dr. Mahathir ialah berada dalam tandas, bergunting rambut dan memotong kuku kerana ketika itu dia tidak boleh buat kerja lain, tulis Zam.

Anda akan ketahui bahawa Dr. Mahathir adalah seorang Perdana Menteri yang kuat bekerja. Beliau datang ke pejabat tepat jam 8 pagi dan turut menggunakan kad perakam waktu. Beliau akan bekerja sehingga jam 7 atau 8 malam barulah dia pulang.

Dimuatkan gambar-gambar yang cukup bermakna terutama sekeping gambar yang menunjukkan beliau bersalaman dengan Anwar Ibrahim ketika itu masih Presiden ABIM yang kemudian menyertai UMNO.

Dr. Mahathir juga digambarkan sebagai seorang yang pragmatis. Zam menulis: "Dr. Mahathir dikenali sebagai seorang ketua negara yang tidak bermain golf malah tidak suka melihat orang menghabiskan masa di padang golf tetapi pada masa inilah padang golf paling banyak diwujudkan di seluruh negara. Beliau me-

ngubah fikirannya apabila melihat golf boleh menjadi industri yang menguntungkan negara."

"Sekarang beliau tidak marah lagi dengan orang bermain golf malah kapal terbang yang membawa rombongannya dalam lawatan rasmi ke luar negara lebih berat dengan kayu golf. Suatu hari dalam lawatan ke Amerika Latin, Dr. Mahathir terpaksa tunggu Datuk Seri Rafidah untuk memulakan lawatan kerana Rafidah lewat pulang kerana bermain golf." Catatan Zam.

### Hubungan

Buku ini juga mendedahkan betapa dekatnya hubungan Zam dengan Dr. Mahathir sejak di Alur Setai lagi dan secara kebetulan apabila beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menjadi Perdana Menteri, Zam pula menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu dengan sekaligus menjalinkan hubungan media dan pemerintah yang begitu akrab dan bermakna demi kestabilan politik dan pembangunan negara.

Buku ini boleh dianggap sebagai cambahan fakta dan maklumat mengenai Dr. Mahathir yang cukup menarik untuk diteroka bagi santapan minda.

Ia dicetak dalam dua versi bahasa Melayu dan Inggeris. Terjemahan ke bahasa Inggeris dilakukan oleh seorang wartawan bebas Wan A. Hulaimi dengan judul *The Other Side of Mahathir*.